

● Mampu buat perancangan ● Lebih banyak idea

B.H 25 AUG 1993

# Prasyarat jadi pemimpin

Oleh Mohd Shah Abdullah

PETALING JAYA, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, prasyarat menjadi pemimpin baik bagi meneruskan kesinambungan kepemimpinan sekarang ialah kemampuan membuat perancangan jangka panjang dan mempunyai pelbagai idea membangunkan negara.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin yang mempunyai idea setaraf dengan orang biasa, tidak layak menjadi pemimpin.

Selain itu, katanya, sebagai pemimpin mereka juga tidak seharusnya memikirkan keuntungan jangka pendek yang hanya menguntungkan diri semata-mata tanpa mempunyai wawasan jangka panjang.

"Saya percaya pemimpin yang baik harus melihat ke hadapan dan tidak memikirkan pulangan jangka pendek kerana ia mudah terdedah kepada penyelewengan.

"Satu cara menjadi popular ialah menggunakan wang dan apabila saja mula memberi wang, mereka (pemimpin) berkeinginan akan terus memberi dan memberi tanpa ada kesudahan," katanya.

terti Kewangan yang juga Presiden UIA, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Dr Mahathir berkata, pemimpin yang mempunyai idea terhad juga tidak layak jadi pemimpin.

Kepada soalan seorang pelajar Nigeria yang meminta pandangan Perdana Menteri mengenai pasaran bersama bagi negara Islam (Islamic Common Market), Perdana Menteri berkata:

"Idea pasaran bersama itu adalah tidak praktikal dan kita perlu bersikap realistik kerana banyak perkara yang tidak boleh kita lakukan."

Menurutnya, walaupun beliau menyokong pandangan itu, negara Islam sebenarnya masih banyak kekurangan, termasuk terpaksa bergantung kepada pihak asing.

"Negara Islam perlu menilai terlebih dahulu kekuatan mereka sebelum memikirkan idea itu dan apa yang lebih penting ialah mengukuhkan kekuatan diri terlebih dahulu, termasuk menguasai ilmu dan kekuatan teknologi," katanya.

Dr Mahathir berkata,

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan seorang kakitangan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di majlis sesi soal-jawab selepas menyampaikan ucapan sempena ulang tahun ke-10 menutup Pesta Konvokesyen universiti itu, di sini, hari ini.

Kakitangan itu bertanya pendapat Perdana Menteri mengenai prasyarat yang diperlukan bagi menjamin kualiti dan kesinambungan kepemimpinan yang berkesan bagi bangsa Melayu dan Islam.

Sebelas soalan dikemukakan oleh kakitangan dan pelajar universiti itu, yang merangkumi pelbagai isu peringkat universiti hingga ke politik antarabangsa.

Dewan Al-Malik Faisal penuh sesak dengan kakitangan dan pelajar UIA memberi perhatian penuh ketika Dr Mahathir memberi ucapan. Tepukan bergemuruh silih berganti apabila saja beliau mengemukakan fakta dan hujah yang berkesan serta menarik.

Hadir sama ialah Men-

negara Islam ditakdirkan mempunyai limpahan hasil petroleum tetapi mereka tidak dapat menjualnya sesama sendiri dan masih bergantung kepada negara asing sehingga Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (Opec) terpaksa menghadkan keluaran di kalangan negara Islam.

Peserta itu juga mengemukakan pertanyaan mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan Dr Mahathir.

Perdana Menteri menjelaskan EAEC bukan blok perdagangan tetapi satu forum perundingan bagi membincangkan masalah bersama di kalangan negara anggota dan membuka ruang perbincangan untuk berdialog dengan negara lain.

Menurutnya, Malaysia tidak percaya kepada wujudnya blok perdagangan.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata, fungsi universiti ialah untuk menyebarkan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu.